

# Sinar Rohani

سینار روھانی

Pembimbing Ummah

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

JAKIM

Bil 2/2023

LEBIH BAIK  
TANGAN  
DI ATAS  
DARI PADA  
TANGAN  
DI BAWAH

Berkirakah Kita Dengan  
**ALLAH?**

**JAUHI SYIRIK**  
Untuk Mewah

**REZEKI**  
Dan Keberkatan

**PELABURAN AKHIRAT**  
Yang Menguntungkan: **WAKAF**

**PERCUMA**



# Rezeki Demi Faedah Insan



Mohamed Nazreen Shahul Hamid  
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)  
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Hari ini  
aku membeli sepotong hati  
demi harapan balasan renungan yang sama  
kerana diri cukup beza  
dengan lainnya

Dihimpit sunyi  
dimamah haus

Hingga lupa  
rezeki itu datang dari yang Esa  
dari segala kebaikan demi kebaikan  
ada milik lainnya  
dari yang milik kita

Esoknya aku sedar  
ikhlas manusia itu  
tiada dapat dijual beli  
segala emas permata  
tiada mampu membeli  
walau sepotong hati

Jika sunyi  
jika haus  
berbaliklah pada yang Esa  
yang sedia menanti  
yang sedia melihat  
yang sedia mendengar



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

# Sidang Redaksi

**PENAUNG**

Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)

**PENASIHAT**

Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))

**KETUA PENGARANG**

Azman Bin Mat Hassan  
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)

**PENGARANG**

Khairul Azman bin Azizan

**PENOLONG PENGARANG**

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi

**PENYUNTING**

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

**PENGURUS EDARAN**

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

**PEMBANTU EDARAN**

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan

**REKABENTUK**  
Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd

# Kandungan

- |           |  |
|-----------|--|
| <b>2</b>  | <b>SAJAK</b><br>Rezeki Demi Faedah Indan                                     |
| <b>3</b>  | <b>SIDANG REDAKSI</b>  |
| <b>4</b>  | <b>LAMAN PENGARANG</b><br>Tangan Di Atas Lebih Baik Daripada Tangan Di Bawah |
| <b>6</b>  | <b>PERSPEKTIF</b><br>Apabila Tercabutnya Keberkatan                          |
| <b>8</b>  | <b>GLOBAL</b><br>Berkirakah Kita Dengan Allah?                               |
| <b>10</b> | <b>FIKRAH</b><br>Misteri Rezeki  |
| <b>12</b> | <b>FOKUS</b><br>Jauhi Syirik Untuk Mewah                                     |
| <b>15</b> | <b>TURATH</b><br>Eksplorasi Ayat-Ayat Pemurah Rezeki                         |
| <b>18</b> | <b>TAZKIRAH</b><br>Jangan Sombong, Nanti Merana                              |
| <b>20</b> | <b>DAKWAH</b><br>Rezeki Dan Keberkatan                                       |
| <b>22</b> | <b>ANEKDOT</b><br>Jangan Lokek Berbagi Rezeki                                |
| <b>24</b> | <b>SEMASA</b><br>Rezeki Itu Jaminan  |
| <b>25</b> | <b>INFO</b><br>Pelaburan Akhirat Yang Menguntungkan : Wakaf                  |
| <b>27</b> | <b>MIMBAR</b><br>Kunci Pembuka Rezeki  |

# TANGAN DI ATAS LEBIH BAIK DARIPADA TANGAN DI BAWAH



*Anotasi*  
Pengarang

**Khairul Azman bin Azizan**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Ramai dalam kalangan kita beranggapan bahawa harta yang dimiliki adalah hak mutlak tuan empunya harta. Namun sebenarnya harta tersebut bukanlah seratus peratus hak milik seseorang. Hakikatnya dalam setiap harta yang dimiliki itu terdapat hak milik orang lain. Hal yang demikian dirakamkan dalam firman Allah dalam surah Az-zariyat ayat 19:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلشَّاهِدِينَ وَالْمَحْرُومُونَ

**Maksudnya:** "Dan pada harta benda mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta."

Kita perlu yakin bahawa berinfaq atau bersedekah tidak akan menjadikan seseorang itu miskin malahan rezeki akan semakin bertambah dengan izin Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا تَفَضَّلَ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعْنَوْ إِلَّا عَزَّ

وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ

**Maksudnya:** "Dari Rasulullah SAW bersabda: "Sedekah itu tidak akan mengurangi harta. Tidak ada orang yang memberi maaf kepada orang lain, melainkan Allah akan menambah kemuliaannya. Dan tidak ada orang yang merendahkan diri kerana Allah, melainkan Allah akan mengangkat darjatnya." (Muslim: 4689)

Di samping itu, bersedekah akan melipatgandakan lagi harta yang dimiliki.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبَلَةٍ مِائَةً حَبَّةً  
وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

**Maksudnya:** "Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha mengetahui."

Justeru Islam amat menyarankan umatnya agar terus menjadi sebahagian daripada golongan yang bersedekah atau berinfaq. Hal yang demikian dinyatakan dengan jelas dalam sebuah hadis berikut:

عَنْ حَكِيمٍ بْنِ حَرَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ  
السُّفْلَى وَابْدأْ بِمَنْ تَعُولُ وَخَيْرُ الصَّدَقَةِ عَنْ ظَهَرٍ غَنِّيٌّ وَمَنْ يَسْتَغْفِفْ يُعْفَهُ اللَّهُ وَمَنْ يَسْتَغْنِي يُعْنَهُ  
اللَّهُ

**Maksudnya:** "Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah, maka mulailah untuk orang-orang yang menjadi tanggunganmu dan sedekah yang paling baik adalah dari orang yang sudah cukup (untuk keperluan dirinya). Maka barangsiapa yang berusaha memelihara dirinya, Allah akan memeliharanya dan barangsiapa yang berusaha mencukupkan dirinya maka Allah akan mencukupkannya".

(Bukhari: 1338)

Hadis ini mengajak serta menyeru kita menghidupkan amalan bersedekah terutamanya kepada ahli keluarga yang menjadi tanggungan kita. Ia juga memberi suatu gambaran jelas tentang kelebihan orang yang memberi sedekah dengan ikhlas berbanding si penerima yang amat memerlukan. Secara tersiratnya si penerima memberikan ruang amal pahala kepada si pemberi. Jika kita mempunyai lebihan daripada keperluan asas, hulurkanlah bantuan kepada mereka yang memerlukan. Semoga apa yang kita berikan itu menjadi bekalan kita di akhirat kelak.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِسْمَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُتَنَقَّعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ  
يَدْعُو لَهُ

**Maksudnya:** "Apabila mati seorang manusia, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya." (Muslim:1631, al-Nasa'i: 3651, al-Tirmizi: 1376 dan Abu Daud: 2880)

Hadis ini menunjukkan bahawa amalan si mati akan terputus dengan sebab kematianya. Pahala turut terhenti kecuali melalui tiga amalan tersebut. Sesungguhnya sedekah jariah bersifat kekal dan manfaat yang diperolehi daripada amalan bersedekah tersebut dapat digunakan secara berterusan walaupun penyumbangnya sudah meninggal dunia.

Islam amat menggalakkan sifat bantu membantu antara satu sama lain terutamanya kepada golongan yang memerlukan. Atas kesedaran itu, marilah kita membiasakan amalan bersedekah dalam kehidupan seharian. Walaupun sebesar zarah, amalan bersedekah ini cukup bermakna kepada si penerima yang hidup dalam serba kekurangan dan mendatangkan pahala yang besar kepada si pemberi yang benar-benar ikhlas.



# APABILA TERCABUTNYA KEBERKATAN



Prof. Madya Dr Shahir Akram bin Hassan  
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia

Matahirk ini, rakyat Malaysia diuji dengan kekurangan bekalan telur, ayam, beras serta kenaikan harga barang mentah dan kos hidup. Hal ini didorong oleh pelbagai sebab. Antaranya gangguan rantaian bekalan, kekangan import bekalan, nilai tukaran wang asing, ketegangan geopolitik yang semakin meningkat dan pelbagai faktor lain. Realitinya, rakyat Malaysia terkesan dengan kenaikan harga barang, kekurangan bekalan makanan ruji dan peningkatan kos hidup.

Persoalannya, apakah sudut pandang Islam berhubung hal ini? Bukankah Allah SWT telah menjanjikan rezeki untuk setiap bayi yang dilahirkan ke dunia ini? Adakah isu ini berkait rapat dengan konsep rezeki? Bagaimanakah pula konsep keberkatan rezeki juga penting? Apakah punca hilang keberkatan rezeki? Bagaimanakah apabila tercabutnya keberkatan rezeki?

Dalam Islam konsep rezeki berkait rapat dengan tauhid. Dari perspektif tauhid, Allah SWT telah menetapkan rezeki bagi setiap makhluknya. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَدَكُمْ خَشِيَةً إِمْلَاقٍ ۖ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَاتَلُهُمْ كَانَ حَطَّاً كَبِيرًا

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.”

(Surah al-Isra': 31)

وَلَا تَقْتُلُوا أُولَدَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ ۖ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka.”

(Surah al-An'aam: 151)

Berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran ini boleh dirumuskan bahawa rezeki setiap manusia telah dijamin oleh Allah SWT, tambah-tambah lagi sekiranya manusia itu beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Rezeki ini, sama ada dalam bentuk sumber mentah atau barang akhir pengguna, dikurniakan secara berbeza-beza dari segi kuantitinya daripada seorang dengan seorang yang lain.

Dari perspektif tauhid juga, rezeki seseorang sangat berkait rapat dengan konsep barakah untuk mendapat keberkatan. Menurut istilah barakah ialah ziyadat al-khayri iaitu bertambahnya kebaikan. Para ulama menjelaskan makna barakah sebagai segala sesuatu yang banyak, melimpah, sama ada berbentuk material atau spiritual, seperti keamanan, ketenangan, kesihatan, harta, anak, dan usia. Dalam syarah sahih Muslim, Imam Nawawi menyebut bahawa barakah memiliki dua erti, iaitu pertama, tumbuh, berkembang atau bertambah; kedua, kebaikan yang berkesinambungan. Menurut Imam Nawawi lagi, asal makna barakah ialah kebaikan yang banyak dan abadi.

Selain itu, keberkatan bukan sekadar membawa makna mencukupi sahaja, tetapi keberkatan itu juga membawa makna bertambahnya ketaatan kepada Allah SWT dalam setiap keadaan yang ada, baik dalam keadaan senang atau sebaliknya. Keberkatan itu,

البركة تزيدكم في الطاعة

Ertinya: “Barakah itu menambah taatmu kepada Allah SWT.”

Secara mudah, barakah di sini bererti mendapat restu daripada Allah SWT. Seseorang dikatakan mendapat rezeki yang ada barakahnya sekiranya Allah SWT mengurniakan rezeki kepadanya bukan sahaja berdasarkan sifat pemurah (Ar-Rahman) Allah SWT, tetapi juga sifat pengasih (Ar-Rahim)-Nya. Setiap manusia, tidak kira sama ada mereka beragama Islam atau sebaliknya, memang dikurniakan rezeki oleh Allah SWT kerana sifat pemurah-Nya. Tetapi manusia yang beriman dan bertakwa dikurniakan rezeki oleh Allah SWT berdasarkan kepada kedua-dua sifat Allah SWT yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Allah SWT bukan sahaja mengurniakan rezeki kepada mereka kerana sifat pemurah-Nya, tetapi dikurniakan rezeki tersebut dengan segala kasih sayang. Golongan yang mendapat rezeki daripada kedua-dua sifat Allah SWT yang pemurah dan pengasih inilah yang dikatakan mendapat restu daripada Allah SWT. Mereka inilah yang mendapat rezeki yang ada barakahnya. Bagi golongan ini, sedikit rezeki sudah boleh membawa kepada rasa cukup serta puas (qanaah), sejahtera dan bahagia.

Hal ini berbeza dengan mereka daripada golongan yang tidak mendapat restu dan barakah Allah SWT. Walau mendapat rezeki yang banyak, tetapi oleh sebab tidak mendapat restu dan barakah daripada Allah SWT, mereka tidak merasa puas dan cukup-cukup, apatah lagi merasa sejahtera dan bahagia dengan rezeki yang didapatnya. Dalam konteks ini, kepuasan itu jadinya bukan kerana banyak atau sedikitnya rezeki yang didapati. Ia lebih berdasarkan kepada kualiti rezeki tersebut. Kualiti ini pula adalah berdasarkan kepada barakah. Kedua-dua konsep rezeki dan barakah inilah yang dibincang dan diangkat dalam konteks pembangunan berteraskan Islam. Menurut Muhammad Syukri Salleh dalam buku "Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam" barakah inilah, dan bukan kuantiti, yang memastikan utiliti. Oleh itu, sesiapa yang dikurniakan sedikit rezeki tetapi ada barakah, adalah lebih baik daripada mereka yang dikurniakan banyak rezeki tetapi tanpa barakah. Rezeki dengan barakah mempunyai kualiti dan nilai kepuasan yang tinggi berbanding dengan rezeki tanpa barakah.

Apakah punca hilangnya keberkatan atau dicabutnya keberkatan rezeki? Paling tidak ada, 10 punca tercabutnya keberkatan rezeki:

1. Melakukan maksiat kepada Allah SWT.
2. Melakukan perkara yang haram.
3. Bermuamalah dengan riba.
4. Tidak ikhlas dalam beramal.
5. Kurang tawakkal.
6. Lalai dalam urusan dunia sehingga mengabaikan urusan agama dan akhirat.
7. Tidak berbakti kepada ibu bapa.
8. Memutuskan tali kekeluargaan dan silaturahim.
9. Kedekut dan bakhil.
10. Tidak atau kurang bersyukur.

Kesimpulannya, memang benar tidak banyak perkara yang dapat dilakukan oleh umat Islam umumnya berhubung kenaikan harga barang, kekurangan bekalan makanan ruji dan peningkatan kos hidup. Jangan bimbang atau sedih dengan peningkatan seumpama itu, namun yang perlu kita bimbang ialah apabila tercabutnya keberkatan rezeki. Sehubungan itu, umat Islam jangan terlalu bimbang tentang rezeki kerana Allah SWT telah tetapkan rezeki bagi setiap makhluk. Yang perlu lebih dibimbangkan ialah apabila tercabutnya keberkatan rezeki. Pada ketika itu, sebanyak mana pun seseorang memiliki rezeki, ia pasti tidak mencukupi.

Dengan amalan dan keyakinan seumpama inilah, walaupun mungkin diuji dengan sedikit sebanyak dari sudut pandang ekonomi, namun umat Islam ada salah satu penyelesaian dengan mengusahakan keberkatan pada rezeki dan menjauhi semua amalan yang mencabut keberkatan rezeki. Sehubungan itu, apa yang berlaku bukan sahaja dapat menjadi penawar bagi permasalahan yang dihadapi, malah dapat sekurang-kurangnya mengekalkan tahap kerohanian, iman dan takwa umat Islam, malah diharapkan dapat meningkat ke tahap yang lebih tinggi.





# BERKIRAKAH KITA DENGAN ALLAH?



Dr. Adam bin Drahman  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Kurniaan nikmat yang banyak daripada Allah SWT adalah suatu anugerah yang tidak ternilai. Bagi orang yang beriman mereka akan bersyukur kepada Allah SWT apabila mendapat nikmat-nikmat tersebut. Namun, bagi yang kurang imannya dan tidak pandai mensyukuri nikmat Allah SWT akan berlaku perkara di sebaliknya. Apatah lagi jika nikmat itu terselindung ataupun tersirat di sebalik ujian atau musibah. Kita patut sedar bahawa Allah SWT mengurniakan manusia pelbagai nikmat sehingga tidak terhitung banyaknya. Firman Allah SWT:

*"Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan."*

(Surah ar-Rahman: 13)

Sementara itu, menurut al-Alusi dalam kitabnya "Ruh al-Ma'ani," pengulangan ayat "Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan" disebut sebanyak 31 kali, menunjukkan kehebatan dan kebesaran yang tidak terhingga. Tujuannya adalah untuk memberikan pemahaman yang mendalam mengenai betapa besar dan melimpah ruahnya nikmat-nikmat yang Allah SWT telah berikan.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpakkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

(Surah al-Nahl: 18)

Menyedari akan hakikat ini apakah kita masih lagi mahu berkira-kira sehingga timbul rasa rugi untuk bersedekah, berinfaq dan membantu orang lain dalam membuat kerja-kerja kebaikan. Berasa takut, bimbang dan seolah-olah tidak cukup jika berkongsi dengan orang lain. Semua perasaan negatif itu bersemayam dalam diri. Apabila dikatakan tamak, kedekut dan bakhil malah ada yang menafikannya. Hakikatnya, segala apa yang dikecapi sepanjang hayat, semuanya merupakan pemberian Allah SWT yang tidak terhitung banyaknya. Bahkan, Allah SWT tidak pernah meminta kita untuk membayarnya semula.

Justeru itu, orang-orang yang beriman akan mendapat beberapa kelebihan daripada perbuatan amal yang tidak berkira di dalam bersedekah dan berinfaq. Disebut sebagai orang-orang yang beriman kerana hanya orang beriman sahajalah yang akan terpanggil hati apabila disuruh berbuat kebaikan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka mereka orang-orang yang berjaya."*

(Surah at-Taghabun: 16)

Golongan yang suka bersedekah juga adalah golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT pada hari akhirat kelak dengan syarat dilakukan secara ikhlas bukan bertujuan untuk menunjuk-nunjuk ataupun

# Jika tidak Meletakkan Allah Didalam Hati, Jangan Tanya Kenapa Tiada Ketenangan Didalam Hati.....



riak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu dan Allah akan menghapuskan daripada kamu sebahagian daripada kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan."

(Surah al-Baqarah: 271)

Di dalam amalan bersedekah ini juga, Rasulullah SAW adalah contoh teladan terbaik yang perlu dicontohi. Baginda seringkali memberikan makanan kepada golongan miskin dan fakir. Umat Islam amat digalakkan untuk memberi sedekah dan menginfaqkan harta kepada golongan yang memerlukan serta tidak meminta-minta. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Salah seorang daripada kamu yang keluar pada waktu pagi lalu memikul kayu di atas belakangnya untuk dijual, lalu dia mengeluarkan sedekah sebahagian daripada jualan kayu dan dengan (baki wang) itu dapat mencukupkan dirinya sehingga dia tidak perlu meminta kepada orang lain, adalah lebih baik baginya daripada meminta kepada seseorang (yang tidak pasti) diberi ataupun ditolak. Demikian itu, tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Mulai dengan orang-orang yang ada dalam tanggunganmu."

(Hadis Riwayat Muslim)

Bersedekah juga adalah bukti kita bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan Allah SWT. Orang yang dikurniakan nikmat harta hendaklah menunaikan hak kepada orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta-minta. Bila bersyukur, Allah SWT akan menambahkan nikmat yang lebih banyak. Mereka yang bersyukur kepada Allah SWT juga akan dihindari seksa azab yang pedih, manakala bagi yang ingkar mendapat balasan sebaliknya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih."

(Surah Ibrahim: 7)

Kemudian sabda Rasulullah SAW, "Atas hujan ini, ada manusia yang bersyukur dan ada yang kufur nikmat. Orang yang bersyukur berkata, 'Inilah rahmat Allah.' Orang yang kufur nikmat berkata, 'Oh pantas saja tadi ada tanda begini dan begitu.'

(Hadis Riwayat Muslim)

Sebenarnya ujian Allah SWT ke atas hamba-Nya dengan nikmat kekayaan dan pelbagai kesenangan, pada hakikatnya lebih berat daripada ujian kemiskinan dan kesusahan. Lantaran itu, janganlah kita berkira akan nikmat rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada kita, sebaliknya hendaklah kita membalaunya melalui rasa syukur yang tinggi, bersedekah, berinfaq dan membantu saudara-saudara kita di dalam membuat amal kebaikan. Sikap angkuh, sompong, menganggap diri memiliki segala-galanya hanyalah merugikan kerana jelas sekali janji Allah SWT bahawa seksaan amat pedih terhadap golongan tersebut.

# MISTERI REZEKI



Dr. Nor Rosnita binti Gani  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam,  
JAKIM

**S**ebahagian daripada kita menganggap rezeki itu adalah harta yang melimpah, pekerjaan yang hebat, anak yang ramai, pasangan yang cantik atau kacak dan hidup yang senang-lenang. Namun begitu, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan rezeki? Firman Allah di dalam Surah Hud ayat 6:

وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرِرَهَا وَمُسْتَوْدِعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

**Maksudnya:** "Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam kitab (lauh Mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)."

Perkataan rezeki berasal daripada bahasa Arab iaitu al-Rizq yang bermaksud pemberian ataupun kurniaan sama ada bersifat duniawi ataupun ukhrawi dan boleh dimanfaatkan oleh penerimanya. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan rezeki sebagai segala sesuatu yg dikurniakan oleh Allah untuk keperluan rohani dan jasmani. Oleh itu, rezeki boleh difahami dalam konteks yang lebih luas sebagai segala bentuk pemberian atau kurniaan Allah kepada hamba-Nya untuk dimanfaatkan ke jalan yang direhdai.

Meskipun seseorang itu dilihat miskin tidak berharta, namun jika hidupnya tenang dan keluarganya bahagia tanpa hutang keliling pinggang, itu juga boleh difahami sebagai satu bentuk rezeki pemberian Allah. Begitu juga jika seseorang itu belum dikurniakan zuriat setelah bertahun-tahun perkahwinan, namun jika Allah kurniakan suami atau isteri yang baik dan bertanggungjawab juga adalah satu bentuk rezeki kurniaan Allah.

Allah menamakan diri-Nya الرَّازِقُ Ar-Razzaq yang merupakan salah satu daripada himpunan nama-nama Allah yang indah (asma' Allah al-Husna). Ar-Razzaq bermaksud maha pemberi rezeki. Allah yang bersifat Ar-Razzaq memberikan rezeki kepada sesiapa sahaja yang Dia pilih dan Dia juga yang menetapkan kadar pemberian menurut yang Dia kehendaki. Tiada satu makhluk pun di alam ini menerima rezeki selain daripada Allah pemberi rezekinya walaupun makhluk itu berada di tempat yang mustahil pada pandangan manusia untuk mendapat rezeki.

Kadar rezeki setiap makhluk telah ditentukan oleh Allah dengan kehendak-Nya dan dikaitkan juga dengan kadar usaha makhluknya sesuai dengan sunnatullah. Sesiapa yang keluar mencari rezeki, maka Allah membuka jalan rezeki untuk hamba-Nya itu. Sesiapa yang tidak berusaha, maka tiada rezeki untuknya. Walaubagaimanapun, Allah boleh melakukan dengan kehendak-Nya di luar daripada kebiasaan tersebut. Maka tidak mustahil ada yang telah berusaha sekerasnya namun belum dikurniakan rezeki sementara ada pula yang tidak berusaha namun tiba-tiba hadir untuknya rezeki tertentu. Maka fahamlah kita bahawa rezeki ini adalah rahsia Allah dan kuasa serta kehendak Allah itu merentasi segalanya. Mungkin ini juga yang sering disebutkan bahawa rezeki itu misteri sifatnya.

Namun begitu, sebagai hamba-Nya, kita seharusnya sedar bahawa selain berusaha mendapatkan rezeki yang halal, terdapat beberapa amalan yang boleh dititikberatkan sebagai amalan dalam menarik rezeki daripada Allah. Bagi menarik rezeki, antara perkara yang boleh diamalkan adalah bertakwa kepada Allah, sentiasa bertawakal dan bersyukur dengan rezeki yang dikurniakan.

Takwa bermaksud melaksanakan seluruh perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Orang yang bertakwa akan selalu merasa diawasi oleh Allah SWT dalam setiap perbuatan mahupun perkataan yang dituturnya. Ini membawa maksud bahawa orang yang bertakwa akan sentiasa berhati-hati dengan sumber rezeki mereka dan hanya mendapatkan sumber rezeki yang halal dan menjauhkan daripada yang haram. Firman Allah dalam Surah at-Talaq ayat 2-3:

"... وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ مَخْرَجًا (2) وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ..."

**Maksudnya:** "Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya."

Selain bertakwa, sentiasa bertawakal kepada Allah SWT juga merupakan amalan menarik rezeki. Tawakal bermaksud menyerahkan segala sesuatu kepada Allah, yakin sepenuhnya dengan kuasa-Nya, dan hanya bergantung kepada-Nya. Firman Allah dalam Surah at-Talaq ayat 3:

"... وَمَن يَتَوَكَّلُ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدِيرًا "

**Maksudnya:** "Dan (ingatlah) sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya setiap sesuatu."

Amalan terakhir dalam usaha menarik rezeki adalah sentiasa bersyukur. Orang yang bersyukur akan menerima dengan reda atas rezeki yang diberikan Allah SWT walaupun sedikit. Allah telah berjanji bahawa hambanya yang bersyukur akan ditambah rezekinya dan yang kufur akan dikenakan azab yang pedih. Firman Allah dalam Surah Ibrahim ayat 7:

"وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ"

**Maksudnya:** "Dan (ingatlah), tatkala Tuhan kamu memberitahu; "Demi Sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambah nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras."

Kesimpulannya, rezeki merupakan rahsia Allah yang dikurniakan kepada kita sepetimana yang Allah kehendaki. Meskipun kadar usaha turut memainkan peranan, namun kehendak Allah juga yang menentukannya. Justeru, amalan dalam menarik rezeki boleh diamalkan sebagai ikhtiar iaitu bertakwa kepada Allah, sentiasa bertawakal dan sentiasa bersyukur di atas pemberian-Nya.

Kesenangan dan kemewahan hidup merupakan dambaan dan impian setiap insan. Harta benda dan kesenangan dunia ini merupakan perhiasan yang melatari kehidupan dunia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi ayat 46:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَقِيقَاتُ الصَّلِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

**Maksudnya:** “Harta benda dan anak-pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

Sifat suka kepada harta dan kesenangan dunia yang lain merupakan fitrah dan sunnatullah yang ditentukan oleh Allah SWT ke atas manusia. Hal ini berpandukan firman Allah SWT dalam Surah ali Imran ayat 14:

زِينَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقْنَطَرَةِ مِنَ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ

الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرَثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَأْبِ

**Maksudnya:** “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).”

JAUHI  
SYIRIK  
UNTUK  
MEHWAH



Mohammad Zaki bin Yahpar  
Bahagian Dakwah, JAKIM



Harta juga merupakan salah satu dari fitnah dan ujian dunia yang mencabar jiwa dan raga. Dengan harta, ia boleh memandu manusia kepada dua keadaan sama ada baik atau buruk. Firman Allah SWT dalam Surah al-Taghabun ayat 15:

إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

Keghairahan manusia mengejar kemewahan harta menyebabkan sebahagiannya tergelincir ke lembah kesyirikan. Antaranya ialah manusia yang melakukan ritual-ritual tertentu seperti berpuasa hanya dengan memakan nasi putih tanpa lauk, berpuasa siang malam, melakukan pertapaan atau sebagainya. Ada juga kalangan manusia yang datang kepada sesuatu kubur yang dianggap keramat dan memohon hajat. Ada pula yang mendatangi dukun atau bomoh untuk meminta tangkal atau pelaris bagi melariskan perniagaan mereka. Selain itu juga, ada yang mempercayai kepada sesuatu ramalan dan pantang-larang yang berdasarkan kepercayaan dan ritual-ritual tertentu dan bertentangan dengan hukum syarak. Ada juga yang berdamping dengan jin dan syaitan sebagai alat untuk mereka mendapatkan kemewahan dan kesenangan. Bahkan ada pula yang menggunakan khidmat dukun atau pawang untuk mengenakan sihir atau santau kepada pesaing-pesaing mereka yang dirasakan menggugat perniagaan dan kemewahan mereka.

Kesemua contoh ini merupakan perbuatan-perbuatan syirik yang banyak berlebar dalam masyarakat kerana ia perbuatan yang menyandarkan sesuatu permintaan atau permohonan kepada selain Allah SWT. Padahal, jika mereka benar-benar mengetahui hakikat sebenar bahawa jin dan syaitan yang mereka puja itu tidak lain hanyalah sebahagian makhluk Allah SWT yang tidak memiliki sebarang kelebihan dan kemuliaan. Bahkan mereka juga sangat lemah di sisi Allah SWT. Mereka hanya berusaha menyesatkan manusia agar jauh dari ajaran Islam dan melanggar perintah Allah SWT. Itulah janji iblis dan syaitan apabila mereka dilaknat oleh Allah SWT setelah ingkar arahan Allah SWT untuk sujud kepada Nabi Adam AS. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hijr ayat 39:

قَالَ رَبِّ بِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيْنَ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَا غُوَيْنَهُمْ أَجْمَعِينَ

**Maksudnya:** "Iblis berkata: "Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan aku akan menyesatkan mereka semuanya."



Perlu diketahui bahawa dosa syirik kepada Allah SWT merupakan dosa besar yang tidak diampunkan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 48:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَعْفُرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكَ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَى إِثْمًا عَظِيمًا

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuatkan-Nya (dengan apajua sesuatu), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar."

Manakala bagi perbuatan sihir dan yang seumpama dengannya pula, Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis:

مَنْ عَقَدَ عُقْدَةً ثُمَّ نَفَّثَ فِيهَا فَقَدْ سَحَرَ وَمَنْ سَحَرَ فَقَدْ أَشْرَكَ وَمَنْ تَعَلَّقَ شَيْئًا وُكِلَ إِلَيْهِ

**Maksudnya:** "Barangsiapa mengikat suatu ikatan lalu meniupnya, maka dia telah melakukan sihir, dan barangsiapa melakukan sihir, maka dia telah berbuat syirik. Barangsiapa menggantung sesuatu (azimat atau tangkal), maka dia akan diserahkan kepada sesuatu itu".

(Sunan al-Nasai)

Rasulullah SAW melarang bagi sesiap yang datang kepada seorang dukun atau pawang dan membenarkan perkataannya. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَتَى عَرَافًا أَوْ كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ

**Maksudnya:** "Barangsiapa datang kepada seseorang dukun lalu membenarkan ucapannya, maka dia telah kafir terhadap wahyu yang diturunkan kepada Muhammad."

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

Maka, secara kesimpulannya keghairahan mengejar kemewahan dan kesenangan hidup banyak membutakan manusia pada batas sempadan halal dan haram. Manusia akan ter dorong untuk melakukan pelbagai daya dan cara demi mencapai hasrat dan kehendak nafsu mereka memenuhi saku dengan harta dan kesenangan dunia hingga mendorong mereka melakukan perbuatan syirik. Berhati-hatilah dalam mencari kemewahan dan kesenangan duniawi, takut tergelincir dalam lembah kesyirikan yang sia-sia. Syirik ialah dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah SWT, gugur segala amalan bahkan pelakunya termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar ayat 65:

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لِيْجَبَطَ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَسِيرِينَ

**Maksudnya:** "Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekuatkan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi."

## Konsep Rezeki

Persoalan rezeki sering menjadi perbincangan dalam kalangan manusia. Rezeki adalah perkataan daripada bahasa Arab dari kata asal رزق. Allah SWT telah menurunkan kalimah ini dari langit bagi menjawab persoalan manusia berkaitan rezeki yang diperuntukkan kepadanya dalam menjalani kehidupan di dunia yang sementara ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2022) rezeki adalah segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk keperluan rohani dan jasmani. Rezeki juga bermaksud sebarang pendapatan atau penghasilan untuk menyara kehidupan. Selain itu, rezeki juga diertikan sebagai sebarang peluang bagi mendapatkan habuan dan keuntungan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa rezeki merupakan keperluan rohani mahupun jasmani dalam menjalani kehidupan di dunia. Rezeki merupakan rahsia Allah SWT seperti ajal dan jodoh sebagaimana dinyatakan oleh Allah SWT di dalam Surah Luqman ayat 34:

﴿إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيَرَىٰ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ﴾

﴿مَاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ خَيْرًا﴾

**Maksudnya:** “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuan-Nya.”

Oleh kerana rezeki merupakan rahsia dan ketetapan Allah tanpa campur tangan makhluk maka setiap umat Islam perlu sentiasa bergantung kepada Allah SWT. Menariknya al-Quran menjelaskan sifat *Rahim* dan *Razzaq* Allah yang tidak sesekali mengabaikan setiap makhluk yang dicipta-Nya. Semuanya telah ditentukan rezeki oleh Allah SWT tanpa keraguan. Rezeki telah ditentu atur oleh Allah sebelum makhluk diciptakan. Allah SWT menegaskan di dalam al-Quran, Surah Hud ayat 6 bahawa setiap makhluk yang melata di bumi ini semuanya telah ditentukan rezeki masing-masing buat mereka.

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرَرَهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلُّهَا﴾

﴿فِي كِتَابٍ مِّنْ ۚ﴾

**Maksudnya:** “Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).”

Al-Quran merupakan petunjuk kepada semua manusia khususnya umat Islam yang menjelaskan tentang segala hal termasuk isu rezeki. Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang menyentuh tentang rezeki. Setiap ayat menjawab persoalan manusia berkaitan rezeki.

# EKSPLORASI AYAT-AYAT PEMURAH REZEKI



Prof. Madya Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim  
Jabatan Pengajian Islam  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



Konsep yang jelas lagi ampuh bahawa rezeki adalah ketentuan mutlak Allah dan setiap makhluk yang ada di muka bumi semuanya sudah ditentukan dan diatur rezekinya. Kita manusia hanya dituntut untuk mencari rezeki dengan cara halal dan mensyukurnya serta menjauhkan diri daripada mensyirikkan Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam al-Quran surah al-Rum ayat 40:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُبَيِّنُكُمْ هَلْ مِنْ شَرَكَاهُمْ مَنْ يَعْلَمُ مِنْ ذَلِكُمْ مِنْ شَيْءٍ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشَرِّكُونَ﴾

**Maksudnya:** "Allah jualah yang mencipta kamu; kemudian Ia memberi rezeki kepada kamu; sesudah itu Ia mematikan kamu; kemudian Ia menghidupkan kamu semula. Adakah di antara makhluk-makhluk yang kamu sekutukan dengan Allah itu sesiapa yang dapat berbuat sesuatu pun dari segala yang tersebut? Maha Suci Allah dan Tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan (denganNya)."

### Pentunjuk Al-Quran Berkaitan Rezeki

Terdapat banyak penjelasan Allah SWT di dalam al-Quran berkaitan rezeki. Dalam kebanyakan ayat al-Quran yang menyentuh tentang rezeki ditegaskan bahawa sumber rezeki semuanya daripada Allah SWT. Di antaranya, Allah SWT menegaskan dalam Surah Ibrahim ayat 34, bahawa rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT tidak terhitung banyaknya. Cuma kebanyakan manusia berlaku zalim dalam menilai rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:



﴿وَعَاتَنَكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلَّتُمُوهُ وَإِنْ تَعْدُوا بِعْمَتَ اللَّهِ لَا تُخْضُوهَا إِنَّ الْإِنْسَنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ﴾

**Maksudnya:** "Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhan." "

Di dalam ayat lain, surah yang sama iaitu Surah Ibrahim ayat 7 di mana Allah SWT memberi jaminan jika rezeki yang dikurniakan itu disambut dengan penuh kesyukuran, maka Allah SWT akan menambah rezeki dan nikmat tersebut. Sebaliknya jika rezeki dan nikmat itu diingkari dengan mengabaikan perintah dan melanggar larangan pemberi rezeki maka Allah menjanjikan dengan azab yang berat di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زَيْدَنَكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ﴾

**Maksudnya:** "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."

Allah SWT bukan sahaja memperuntukkan rezeki kepada manusia malah setiap makhluk bernyawa lain turut dikurniakan rezeki masing-masing sesuai dengan fitrah mereka. Rezeki yang disediakan telah ditentukan secara terancang sejak azali lagi iaitu di Luh Mahfuz. Maka pemberitahuan al-Quran ini sepatutnya menghilangkan rasa gusar dan gelisah dalam diri kita terhadap persoalan rezeki. Firman Allah SWT di dalam surah Hud ayat 6:

﴿وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرِرَهَا وَمُسْتَوْدِعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ﴾

**Maksudnya:** "Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)."

Namun rezeki yang diaturkan oleh Allah SWT perlu diusahakan dan dicari. Allah SWT sentiasa membuka pintu rezeki-Nya. Manusia perlu berusaha dengan penuh gigih dan bertanggungjawab dalam mendapatkan rezeki. Akal dan kekuatan tubuh badan fizikal perlu dimanfaatkan bagi tujuan mencari rezeki mengikut jalan yang diredai-Nya kerana setiap suatu yang diusahakan dalam dunia ini pasti akan dihisab dan diberikan balasan setimpal di akhirat kelak. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Najm pada ayat 39-41:

﴿وَأَنَّ لَيْسَ لِلإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَى﴾ (٤١) ﴿وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَى﴾ (٣٩) ﴿ثُمَّ يُجَزَّهُ الْجَزَاءُ الْأَوَّلُ﴾ (٤٠)

**Maksudnya:** "Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya;(39) Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak);(40) Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna;(41)."'

Seterusnya di dalam Surah al-Mulk pada ayat 21, Allah SWT mencabar akal manusia untuk merenung siapakah yang boleh membuka pintu rezeki sekiranya Allah SWT menahannya. Ternyata akal secara waras akan mengakui bahawa hanya Allah yang memegang kunci rezeki kepada semua makhluk. Firman Allah SWT:

﴿أَمْنَ هَذَا اللَّذِي يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ بَلْ لَجُوا فِي عُثُورٍ وَنُقُورٍ﴾

**Maksudnya:** "Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahan rezeki-Nya? (Tidak ada sesiapapun), bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombang angkuh serta mlarikan diri (dari kebenaran)."

Sebagai orang beriman kita diberi panduan oleh Allah SWT agar mencari dan makan dari rezeki yang halal. Inilah perbezaan orang beriman dengan mereka yang kafir. Orang beriman akan mencari dan memilih rezeki yang baik dan halal sahaja. Manakala orang kafir tidak mengikut panduan dan aturan Allah SWT. Rezeki yang baik dan halal ini akan membawa kepada kebahagian dunia dan akhirat. Mencari dan menikmati rezeki yang halal seterusnya disyukuri kepada pemberi rezeki yakni Allah SWT kerana ia sebahagian daripada sifat kehambaan kepada pencipta. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 172 menjelaskan hal ini:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُّوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوا اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ﴾

**Maksudnya:** Maksudnya:"Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya."

Sesungguhnya al-Quran telah menjelaskan secara terperinci konsep rezeki yang luhur lagi benar. Ayat-ayat sebelum ini telah menyatakan dengan jelas bahawa pintu rezeki adalah milik Allah secara mutlak. Dia bebas melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Hakikatnya, Allah telah menentukan rezeki setiap makhluknya sejak azali lagi. Walaubagaimanapun manusia yang dikurniakan dengan akal dan pancaindera yang lengkap perlu berusaha mencari rezeki yang telah disediakan. Usaha ini perlu disusuli dengan tawakal dan syukur kepada Allah SWT pemberi rezeki. Sikap bersyukur terhadap rezeki yang dikurniakan dijanjikan Allah dengan tambahan rezeki dan keberkatan. Manakala kufur dan ingkar dengan rezeki yang dikurniakan akan menerima pembalasan azab yang berat di akhirat kelak. Selain itu, Nabi SAW juga menganjurkan kepada kita untuk membaca surah tertentu bagi menjemput rezeki daripada Allah SWT.



“Kesombongan adalah menolak kebenaran dan merendahkan manusia”.

[HR. Muslim, no. 2749, dari 'Abdullah bin Mas'ûd]

# JANGAN SOMBONG, NANTI MERANA



Dr. Fazlulaini binti Mohd Yunus  
Penolong Pengarah Kanan  
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)

**A**da banyak sifat atau watak manusia yang kurang baik, salah satunya adalah sompong. Sombong merupakan sikap manusia ketika ia mengagungkan diri sendiri dan merendahkan orang lain. Ternyata, sikap sompong ini merupakan salah satu sikap yang amat di benci Allah. Surah al-Isra' ayat 37 ini terlalu sinonim dengan sifat sompong. Firman-Nya:

﴿ وَلَا تَمْسِحُ فِي الْأَرْضِ مَرْحًا إِنَّكَ لَنْ تَخْرُقَ الْأَرْضَ وَلَنْ تَبْلُغَ الْجَبَالَ طُولاً ﴾ ٣٧

“Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang.”

Ayat ini menjelaskan bahawa manusia dilarang untuk memiliki sifat sompong kerana hal tersebut dibenci oleh Allah. Bahkan, umat Islam tidak boleh memalingkan wajahnya ketika bertemu sesama muslim atas sifat sompongnya.

Sifat sompong ini amat dimurkaai Allah SWT. Orang yang mempunyai sifat sompong di dalam hati akan terpancar di wajahnya. Apa perlu kita sompong? Adakah kita hebat bila mempunyai kedudukan lebih daripada orang lain? Akhirnya kita ke bawah juga dimakan oleh cacing-cacing. Sedangkan semua telah maklum, sifat sompong ini hak mutlak Allah SWT. Sepatutnya kita malu dan segan mengambil sifat yang Maha Esa. Sifat sompong ini boleh menjatuhkan kita kepada syirik khafi.

Rata-rata kita melihat orang yang mempunyai sifat sompong dan suka mengamalkan sifat ini hidupnya dibenci orang, tiada seorang pun yang berkawan rapat dengannya. Hidup di kalangan kawan yang sompong di pejabat, menjadikan pejabat tersebut merasa sepi dan tiada siapa yang ingin berkongsi cerita apatah lagi berkongsi masalah. Di dunia lagi, Allah SWT telah tunjuk betapa hinanya orang yang sompong, apatah lagi di akhirat. Jangan sampai Allah SWT menutup pintu hati kita yang bersifat sompong untuk menerima kebenaran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mukmin ayat 35:

“... demikianlah Allah mengunci mata hati orang yang sompong dan sewenang-wenang.”

Manusia yang mempunyai sifat sompong ini merupakan pengikut iblis dan syaitan. Umum mengetahui bahawa punca makhluk yang bernama iblis ini keluar daripada syurga akibat sifat sompongnya kepada Allah SWT, iaitu enggan taat ketika diminta oleh Allah SWT untuk sujud kepada Nabi Adam AS. Ciri-ciri ini sewajarnya dijadikan tauladan dan kita sebagai manusia yang bergelar umat Islam hendaklah menjauhi sifat yang hina ini.

Adakalanya sifat kesombongan ini terjadi tanpa kita sedari berlaku sompong kepada orang yang tidak sepatutnya kita sompong seperti orang miskin dan Orang Kurang Upaya (OKU) atau orang yang lemah. Di manakah nilai kita dalam keadaan ini? Sewajarnya kita bermuhasabah dan memperbaiki diri supaya sifat sompong itu tidak berlarutan dalam diri. Jika dibiarkan, ia akan menjadi penyakit dan ini akan menjadikan diri sendiri merana. Jangan mengundang penyakit jika ia boleh dielakkan.

Teringat sejenak surah Abasa ayat 1-2 yang mana Nabi Muhammad SAW telah ditegur oleh Allah SWT kerana hanya bermasam muka dan berpaling muka daripada Abdullah Umi Maktum ketika mendatangi Baginda SAW:

عَسَ وَتَوَلَّ (1) أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى (2)

"(Dia telah bermuka masam) yakni Nabi Muhammad telah bermuka masam (dan berpaling) yaitu memalingkan mukanya karena (1) karena telah datang seorang buta kepadanya (2)."

Pada masa itu, Rasulullah sedang sibuk melayan pembesar-pembesar Quraisy dan mengharapkan mereka memeluk Islam. Sedangkan Abdullah Umi Maktum tidak mengetahui Rasulullah sedang sibuk kerana beliau buta. Hanya sedikit sahaja tindakan Rasulullah SAW kepada Abdullah Umi Maktum dan Allah telah menegur Baginda. Bukan tindakan Rasulullah itu sompong tapi hanya menunjukkan ketidakselesaan sahaja. Sedangkan kita nyata-nyata menunjukkan kesombongan kita di muka bumi ini terutama dengan pangkat dan harta yang kita punya.

Di antara kita ada yang tidak menyedari sifat sompong ini bertakhta dihati dan bermain di sanubari. Apalah istimewanya sifat ini jika kita amalkan, sudah tentunya kita tahu bahawa pengakhiran sifat ini akan membawa kita merana di dunia lebih-lebih lagi di akhirat. Cuba kita nilai semula hierarki perhubungan kita di pejabat. Kenalilah rakan-rakan kita, eratkan silaturahim, wujudkan perkongsian ilmu dan bina kesefahaman budaya kerja.

Sifat keangkuhan dan sompong ini boleh menyebabkan kita kehilangan kawan dan sokongan, bukan hanya dalam perkhidmatan malah sudah bersara pun kita tidak dipedulikan rakan-rakan dan masyarakat.

Sifat sompong ini juga tidak membawa apa-apa faedah dan kebaikan kepada diri, lebih-lebih lagi kepada masyarakat. Malah ia boleh memutuskan silaturahim dan boleh memecahbelahkan perpaduan dan keunggulan sesuatu organisasi. Pesanan terakhir saya ialah

**“Ikutlah  
Resmi Padi,  
Makin Berisi  
Makin  
Tunduk,  
Makin  
Berilmu  
Makin  
Tawaduk”.**



# Rezeki dan Keberkatan



Dr. Wan Nadzirah binti Wan Mohamad  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM



Perkataan rezeki berasal daripada perkataan Arab dengan kata dasarnya *razaqa*, *yarzuqu*, *rizqan*. (Abd al-Baqi t.th). Perkataan ini telah dijadikan sebagai satu istilah dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dan ditakrifkan segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah untuk keperluan rohani dan jasmani seperti makanan, ilmu dan sebagainya; pendapatan, penghasilan, pencarian (wang dan lain-lain untuk sara hidup); peluang untuk beroleh makanan dan lain-lain, keuntungan, perolehan. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Rezeki juga boleh disinonimkan dengan nafkah, mata pencarian, periuk nasi, pendapatan, perolehan gaji, upah, keuntungan, laba, elau, komisen, dividen, bonus atau ganjaran hasil. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Setiap manusia telah ditetapkan rezeki, jodoh dan kematian yang menjadi rahsia Allah SWT. Sebagai manusia, kita perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki tersebut di samping berdoa dan menyerahkan takdir ketentuan hanya kepada Allah SWT. Janganlah menyalahkan takdir Allah SWT sekiranya tidak mendapat apa yang diingini. Sebaliknya tanyalah kepada diri sendiri sejauh mana usaha yang dilakukan untuk memperoleh rezeki daripada-Nya. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya, dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan).”*

(Surah Hud: 6)

Pemahaman dan pengajaran dalam Surah Hud ayat 6 menyatakan bahawa rahmat Allah SWT

sangat luas kepada makhluk-Nya. Setiap kelahiran dan ciptaan akan lahir bersama dengan jaminan rezeki. Bahkan, bagi mereka yang bertakwa, Allah SWT menjanjikan rezeki daripada ruang atau jalan yang tidak disangka.

Rezeki merupakan apa yang dapat dinikmati dan memberi manfaat kepada diri kita. Ianya mempunyai maksud yang cukup luas bukan semata-mata dalam bentuk fizikal seperti rumah, tanah, keuntungan perniagaan, gaji, kenderaan dan sebagainya. Bahkan turut merangkumi bentuk rohani seperti ketenangan, kejayaan, kebahagiaan, kesihatan dan seumpamanya.

## KEBERKATAN REZEKI

Perkataan berkat yang digunakan dalam bahasa Melayu merupakan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab iaitu barakah. Maksud perkataan barakah mengikut Kamus Dewan ialah berkenaan dengan rezeki, ilmu, amalan dan sebagainya, mendapat reda daripada Allah. Imam al-Qurtubi (t.th), iaitu seorang ulama tafsir mentakrifkan barakah sebagai “*kathrat al-khayr wa ziyadatuh*” iaitu banyak dan bertambahnya kebaikan.

Berdasarkan kepada maksud di atas, dapat disimpulkan bahawa rezeki yang berkat ialah rezeki yang sentiasa mencukupi dan bertambah, manakala rezeki yang tiada keberkatan ialah tidak memberikan manfaat dan membawa pemiliknya kepada kerosakan dan ketidakcukupan. Ini telah berlaku satu peristiwa di zaman Rasulullah SAW iaitu “Jabir ibn Abdullah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang kepayahan dan keperitannya memikul bebanan hutang yang dibuat oleh ayahnya yang telah syahid dalam peperangan

Uhud. Lalu Baginda SAW pergi ke kebun Jabir dan berdoa agar diberikan keberkatan pada hasil mahsulnya. Selepas itu Jabir mampu membayar hutang bapanya selain dia masih memiliki lebihan daripadanya."

(Al-Bukhari 1367H)

Keberkatan dalam mendapatkan rezeki merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan supaya hidup kita selamat dan bahagia di dunia dan akhirat. Islam amat menggalakkan umatnya supaya keluar bekerja dan mencari rezeki yang halal bagi meneruskan kelangsungan hidup. Islam juga menganjurkan agar umatnya menikmati segala kurniaan Allah dan bersyukur di atas segala nikmat dan rezeki yang diberikan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata."*

(Surah an-Nahl:114).

Justeru, marilah kita berusaha melaksanakan pekerjaan dengan sifat amanah, tekun dan penuh komitmen bagi mendapat keberkatan dalam kehidupan. Bekerja merupakan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan juga amanah Allah SWT. Kita perlu menjauhkan diri daripada perkara-perkara negatif ketika bekerja seperti sikap malas dan bersempbang perkara-perkara yang tidak berfaedah sesama rakan sekerja, sedangkan masih banyak tugasan yang belum diselesaikan. Begitu juga dengan sikap seseorang yang mudah terpengaruh dengan gaya hidup mewah yang di luar kemampuannya akan terdedah dengan amalan menerima rasuah. Contohnya, seorang pengurus di sebuah syarikat yang melakukan penipuan berjuta-juta ringgit bukanlah terdesak untuk memenuhi keperluan asasi hidupnya, tetapi lebih kepada memenuhi tuntutan

gaya hidup mewah. Sekiranya rezeki yang diterima tiada keberkatan, akan timbulah pelbagai masalah dalam kehidupan seperti ketidakharmonian dalam rumah tangga. Justeru, rezeki yang diperolehi dengan cara yang halal tanpa merugikan pihak lain akan membawa keberkatan dalam hidup dan membentuk perilaku seseorang dengan nilai-nilai yang terpuji.

## PENUTUP

Keberkatan merupakan anugerah Allah SWT kepada sesiapa yang dikehendaki dalam kalangan hamba-Nya. Dalam mencari rezeki, kita hendaklah berusaha untuk memperolehi keberkatan tersebut dengan memperbaiki amalan dan sikap kita terhadap Allah SWT, mengamalkan etika dan budaya kerja yang baik serta menjaga hubungan sesama manusia. Umat Islam perlu memahami bahawa rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT walaupun sedikit tetapi berkat dan mencukupi adalah lebih baik berbanding dengan rezeki yang banyak tetapi sentiasa kehabisan dan tidak mendatangkan kebaikan serta tiada keberkatan. Justeru, setiap Muslim perlu beriltizam dengan berusaha mencari rezeki bukan hanya untuk kesenangan hidup semata-mata, tetapi mesti meletakkan keutamaan untuk mendapatkan rezeki yang halal dan berkatusupaya hidup sentiasa tenang, lapang dan bahagia. Kita perlu bermuhasabah dan beristiqamah setiap kali melangkah keluar dari rumah bahawa semua kerja yang dilaksanakan adalah kerana mengharap reda Allah SWT. Di dalam Islam, pekerjaan yang dilakukan dianggap ibadah kerana semuanya akan dilihat dan dinilai di sisi Allah SWT. Semoga setiap langkah yang diatur dari mula keluar rumah pada awal pagi sehingga lewat petang akan dikira sebagai ibadah dan semoga setiap rezeki yang diperolehi mendapat keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT.



# JANGAN LOKEK BERBAGI REZEKI



*Faizatul Herda binti Mohd Azaman  
Penolong Pengaruh Kanan  
Jabatan Hdi Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan  
(JHEAINS)*

Maryam mencicip kopi hangat. Di sisinya Lubna yang ralit menatal aplikasi Smart Quran<sup>1</sup> di skrin telefon bimbitnya, berselang-seli menyedut minuman sejuk. Lubna, anak perempuannya yang menginjak remaja. Introvert karektornya. Jika ada topik yang lumayan untuk dilontar baru dia bersuara. Soraya anak extrovert, gemar bertanya dan bijak common sense. Anak kedua yang senang membantu tanpa dipinta. Melimpah-ruah empati dan ringan tulang pula. Pagi ini Soraya membancuh Espresso, mengukus roti yang disapu mentega nipis-nipis dan merebus telur separuh masak.

"Mama, minggu lepas saya berjumpa dengan Anis. Dia bawa bekal karipap dan kami makan bersama-sama. Pastrinya sangat enak. Saya minta resipi. Kata Anis, resipi pastri ini resipi turun-temurun dan tidak boleh dikongsikan dengan sesiapa. Ia rahsia keluarga." Bibir Soraya dimuncungkan. Terbit kekecewaan dihujung bicaranya.

"Oh, ya?" Respon mama pendek. Sarapan pagi yang ringkas, tapi enak sekali. Roti kukus, pecah telur tiga suku di atasnya, perasakan dengan lada sulah, kicap manis, aduhai!

"Kongsi resipi bukankah berkongsi ilmu, kenapa nak berahsia?" Lubna yang diam dari tadi berujar. Matanya masih menatap skrin telefon di genggamannya, mulutnya mengunyah perlahan.

"Betullah tu, ilmu yang bermanfaat ni sama seperti yang nabi sebutkan kepada kita, 'Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakan untuknya<sup>2</sup>. Sayang, jika ilmu yang baik itu tidak disebar luas untuk dimanfaatkan bersama. Pahala pun berpanjangan. The more that you give, the got will definitely come to you.' Mama benar-benar menikmati suapan terakhirnya, lemak berkrim.

<sup>1</sup> Smart Quran adalah aplikasi mudah alih al-Quran pertama yang diluluskan oleh Lembaga Kawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri Malaysia di bawah Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Produk ini dibangunkan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Smart Quran terdiri daripada mushaf Madinah V2 dengan terjemahan Bahasa Melayu dan Inggeris. Ia mempunyai audio daripada bacaan berikut:

- Syeikh Abdullah ibn Ali Basfar
- Syeikh Ali al Huzaifi
- Syeikh Ibrahim al Akhdar
- Syeikh Muhammad Ayyub ibn Muhammad Yusuf.

<sup>2</sup> Muslim, Sahih Muslim bi syarh al-Imam Muhyiddin al-Nawawi, Kitab wasiyyah, jld. 11, hlm.87

"Kenapa saya rasa Anis lokek dan berkira dengan saya, mama? Memanglah dia tidak menyebutnya dengan jelas. Tapi, lapis makna dari 'resipi rahsia keluarga' memberi isyarat 'No, cannot!' dan saya tersinggung dengan jawapannya. Sampai ke sudah dia tidak kongsikan resipi itu. Ilmu yang dimanfaatkan macam yang mama sebut tadi, walaupun nenek moyang kita dah tiada, kalau orang masih guna resipi itu, bukankah dapat pahala." Aduhai anak extrovert, mudah sekali mempamerkan emosinya.

"Sebenarnya ramai orang yang begini, Soraya. Kita tidak bualkan hal Anis, tetapi hal orang-orang yang lokek berkongsi ilmu, hinggakan perkara sekecil resipi pun enggan berbagi dengan rencam dalih. Bagi mama, ramuan yang sama jika dimasak oleh orang yang berbeza rasanya juga tak sama. Lain orang, lain air tangannya. Lain orang, lain kemahirannya. Allah sebut dalam al-Quran 'tidak suka memberi atau bertolak ansur itu memang tabiat semula jadi manusia'<sup>3</sup>. Inilah kelemahan seorang manusia, Soraya. Didikan, pendedahan dan pengalaman mungkin membezakan setiap orang." Mama cuba memujuk Soraya, di sudut hati berdoa agar situasi ini menjadi teladan dan sempadan dalam hidupnya. Jauh sekali membuka ruang perbalahan dengan teman baiknya, Anis.

"Orang yang enggan berkongsi ilmu ni, mereka anggap ilmu atau rezeki adalah hak mutlak mereka, dik. Mereka lupa Pemilik Mutlak adalah Allah SWT. Sedangkan Allah dah janji, kalau kita lazim berinfak, kongsi ilmu dan bersedekah, Dia akan gandakan pahala kita minimum 10 kali ganda, maksimum 700 kali ganda. I swear, no one has ever become poor by giving or sharing. Allah gives you more than you asked for." Lubna mencelah lagi. Nah, kali ini dengan data nilai dan gandaan ganjaran pula.

"Kan...padahal Allah dah cakap, 'Allah yang berkuasa melapangkan dan menyekat rezeki hamba-Nya. Sesiapa yang bersedekah dan berkongsi Allah akan menggantikannya semula. Allah adalah Ar-Razak<sup>4</sup>.' Ar-Razak ni bukankah sifat dan kerja Tuhan. Tapi, apabila manusia menyarung sifat Tuhan, ia menjengkelkan, iah mama..." Ujar Soraya, sebalnya masih berbaki.

"Cuba kita bayangkan kata-kata Nabi ni, 'Tiada satu pagi pun yang dilalui seorang hamba melainkan akan ada dua malaikat turun dan berdoa, Malaikat pertama berdoa, Ya Allah! Berikan kepada pemberi sedekah ini ganti bagi sedekahnya. Malaikat kedua pula berdoa, Ya Allah! Berikan kepada orang yang lokek dan kedekut ini kemasuhan.' Rasa-rasa, apa lagi alasan kita untuk terus memakai sifat lokek dan bakhil ni? Sedekah dan berbagi ilmu bukan saja dapat sanjungan di bumi, malah penghuni langit turut mendoakan. Don't underestimate the power of giving." Mama mengukirkan ibtisam dan melemparkan pandangannya kepada Soraya. Soraya meluruskan bibirnya, mata dibundarkan dan terlihat cerlang.

"Abaikan saja ignorant people ni, dik." Ujar Lubna spontan sambil menyedut sisa minuman yang masih berbaki.

"Jangan begitu, nak. Kalau kita sayangkan sahabat kita, keluarkan mereka dari lingkungan kejahilan. Fahamkan mereka. Berbual dan permudahkan untuk mereka hadam. Kalau nak benci, benci sikap atau kejahlannya, bukan orangnya. Kalau mereka masih kekal begitu, lain lah pula ceritanya. Buat sementara ni, kita buat karipap pakai resipi dari carian di Google pun menjadi juga kan?" Tawa kami bertiga berderai.

"Ya, setuju mama. Kita berkawan visinya sampai syurga, Kak Lubna. Dunia ni fana, tak kekal. Tapi persahabatan yang baik boleh kekal sampai di alam sana." Semangat setia kawan terbias dari hujung bicara Soraya.

"Ya lah tu..." Lubna mengangkat kening, mulutnya dimuncungkan. Matanya masih menekur skrin telefon sese kali berkedip.

"Amboi, tiga beranak ini berbincang apa? Nak masak atau makan di luar tengah hari ni? Kalau nak makan dekat luar, bersiaplah cepat." Ayah bersuara parau, masuk ikut pintu dapur, sambil ditatangnya kotak gabus. Mama mula pasang anangan-nagan nak gantung periuk.

"Apa tu, bang?" Soal Mama sambil mengangkat kening ingin tahu.

"Pesanan keropok lekor dari Terengganu jiran sebelah dah sampai. Tengah cuci kereta tadi sedang elok khidmat penghantar tiba. Abang Hussein dah telefon malam tadi, minta tolong abang simpankan dalam peti sejuk dulu, takut rosak. Katanya, pagi ini dia akan bertolak dari Kuala Pilah. Anyhow girls, service to others is the rent you pay for your room here on earth." Bersungguh ayah memerikan hal.

"Jangan lokek menolong orang, apa lagi tetangga kita." Mama mengekori ayah, mengerling Soraya sambil mengenyit mata.

<sup>3</sup> An-Nisa, ayat 128

<sup>4</sup> Surah as-Saba', ayat 34

# Bersyukur walau sedikit

"Barang siapa yang tidak mensyukuri yang sedikit,  
maka ia tidak akan mampu mensyukuri sesuatu yang banyak"  
(HR. Ahmad)

# REZEKI ITU JAMINAN



Majidah binti Mat Jusoh  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

**D**an di langit pula terdapat (sebab-sebab) rezeki kamu, dan juga terdapat apa yang telah (ditakdirkan dan) dijanjikan kepada kamu.”  
(Surah Adz-Dzaariyaat: 22)

Allah SWT yang bersifat Ar-Razzaq (Maha Memberi Rezeki) dan Al-Wahab (Maha Memberi) telah menetapkan jaminan nikmat rezeki kepada hamba-Nya dalam pelbagai kadar dan bentuk. Rezeki bukanlah diukur dengan digit semata-mata, malah dapat dilihat dalam bentuk yang berbeza-beza sama ada bersifat zahir berbentuk material seperti harta benda, makan minum, wang ringgit, kesihatan dan sebagainya. Mahupun yang bersifat batin atau maknawi yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera tetapi dapat dirasai oleh hati dan pemikiran seperti keberkatan, hidayah, ilmu, iman, spiritual dan sebagainya.

Lihat pula pada jaminan Allah dalam firman-Nya melalui surah at-Talaq ayat 2 hingga 3, "...dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."

Jaminan Allah SWT dalam ayat ini jelas, terang lagi bersuluh bahwasanya sesiapa yang bertakwa kepada-Nya dengan meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT pasti akan diberikan jalan dan dibukakan pintu-pintu rezeki dengan kadar dan masa yang tepat mengikut keperluan hamba-Nya. Namun, berapa banyak jumlahnya bukan keputusan kita, tetapi keputusan dan ketetapan Yang Maha Esa. Sama ada kita suka atau tidak, rezeki akan datang kepada kita mengikut kehendak Allah SWT yang Maha Mengetahui segala yang terbaik untuk hamba-Nya.

Walaupun begitu, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Sebagai hamba yang beriman dengan takdir yang ditetapkan oleh-Nya, kita wajib berusaha dan berikhтир untuk mendapatkan rezeki. Bukanlah hanya menunggu dengan pasrah untuk bulan jatuh ke riba. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi, "Sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya Allah akan memberi rezeki kepada kamu seperti memberi rezeki kepada burung. Mereka pergi pagi hari dengan perut kosong dan pulang pada petang hari dengan perut kenyang." Analogi ini memberi gambaran, walaupun Allah SWT telah pun menetapkan rezeki untuk burung, tetapi burung perlu berusaha keluar dari sarangnya dan terbang untuk mendapatkan rezeki tersebut.

Namun harus diingat, rezeki bukanlah semata-mata anugerah tetapi juga satu amanah yang akan dipersoalkan ke mana kita menggunakannya dan bagaimana cara mendapatkannya. Oleh sebab itulah, dalam usaha dan ikhtiar untuk mendapatkan rezeki, hukum dan syariat Allah SWT perlu dijaga. Jangan disebabkan atas alasan mencari rezeki, kita sanggup menggadai maruah semata-mata untuk meluaskan promosi. Malah, ada yang mengkhianati integriti dan amanah tugas hakiki demi menggandakan rezeki. Allah SWT Maha Melihat usaha kita, Maha Mendengar segala doa dan permintaan serta Maha Mengetahui lagi Memahami keinginan kita. "Tuhan kamu lebih mengetahui akan apa yang ada pada hati kamu..." (Surah al-Isra': 25)

Berbekalkan keyakinan pada jaminan yang telah dijanjikan oleh Allah SWT, berikhtiarlah dengan hati yang tenang dan lapang tanpa membebarkan fikiran sehingga sanggup mengenepikan pandangan dan hukuman Allah SWT semata-mata demi meraih rezeki. Yakinlah, rezeki yang berkat lagi disyukuri, sentiasa memberikan kelapangan. Sebaliknya, rezeki yang dikufuri akan menimbulkan rasa kekurangan.

# PELABURAN AKHIRAT YANG MENGUNTUNGKAN: BERWAKAF



*Khairul Anuar bin Yazid  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penyelidikan, JAKIM*



**F**irman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 92 yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

Menurut Imam al-Baidhawi dalam tafsir al-Baidhawi mengenai ayat di atas, seseorang itu tidak akan dapat mencapai hakikat sesebuah kebaikan iaitu kesempurnaan bagi kebaikan atau tidak akan mencapai kebaikan Allah SWT iaitu rahmat-Nya, keredaan-Nya dan syurga sehingga salah seseorang itu menginfakkan sesuatu yang disayanginya daripada harta-hartanya.

Imam al-Khatib al-Syarbini juga menyatakan mengenai ayat ini bahawa sesungguhnya Abu Talhah ketika mendengar ayat ini, beliau suka (ingin) mewakafkan (kebun) Bairuha' yang merupakan harta yang paling disayanginya.

Hadis Rasulullah SAW riwayat Muslim bersabda maksudnya: "Apabila telah mati seorang manusia, maka terputuslah baginya pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya." Imam al-Khatib al-Syarbini dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj menyatakan bahawa **sedekah jariah** yang disebutkan di dalam hadis di atas adalah merujuk kepada wakaf. Sedekah bersifat jariah memberi manfaat yang berterusan.

Wakaf berasal daripada perkataan waqf (bahasa Arab) bererti berdiri atau berhenti (الوقف) atau menahan (الممنوع) / (الحبس).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan wakaf merujuk kepada sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Sebagai contoh, tanah wakaf ialah tanah yang diperuntukkan bagi keperluan agama seperti untuk perkuburan, mendirikan masjid, dan lain-lain.

Dari sudut istilah pula, para ulama telah mengemukakan beberapa pentakrifan tentang wakaf seperti berikut:

- Ibnu Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf dalam Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj sebagai menahan harta yang boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak kepemilikan atas harta tersebut, dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan (awam) yang diharuskan.
- Ibnu Qudamah mendefinisikan wakaf dalam Al-Mughni iaitu menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil).
- Wahbah al-Zuhayli menyebut dalam Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh bahawa menahan harta benda daripada pemilikan untuk individu tertentu dan diuruskan manfaat (harta itu) untuk pihak yang telah diwakafkan ke atasnya (*Mauquf Alaihi*).

Secara ringkasnya wakaf adalah satu amalan dengan menyerahkan sebahagian harta dimiliki untuk dimanfaatkan oleh masyarakat bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

## RUKUN WAKAF

1. Pewakaf (Wakif)
2. Harta yang diwakafkan (Mauquf)
3. Penerima wakaf (Mauquf Alaih)
4. Lafaz Wakaf (Sighah)

## SYARAT HARTA YANG DIWAKAFKAN (MAUQUF)

1. Harta yang berbentuk kekal yang mempunyai nilai mengikut hukum syarak dan boleh diambil manfaatnya seperti tanah atau bangunan.
2. Harta milik sempurna pewakaf
3. Harta yang dapat diserahkan dan bukan hartanya ditahan seperti harta orang muflis dan harta anak yatim.

## JENIS-JENIS WAKAF

### 1. Wakaf Khas

Pewakaf mewakafkan hartanya untuk tujuan tertentu seperti membina masjid, sekolah agama dan sebagainya.

### 2. Wakaf Am

Pewakaf mewakafkan harta untuk tujuan kebaikan Islam semata-mata tanpa ditentukan tujuan yang khusus.

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sebagaimana yang dinyatakan menerusi akta/enakmen perundangan Islam di negeri-negeri. Pentadbiran dan Pengurusan Wakaf juga dirujuk dalam Enakmen-enakmen Negeri. Sebagai pemegang amanah tunggal, MAIN mempunyai kuasa untuk:

- i. Melantik atau memberi kebenaran bertulis kepada mana-mana pihak untuk mengurus dan mentadbir apa-apa mawquf bagi pihaknya;
- ii. Mengiktiraf pelantikan mana-mana pengurus atau pentadbiran dalam keadaan di mana waqif telah pun melantiknya sendiri selain MAIN; dan
- iii. Menamatkan pelantikan di para (i) dan (ii) di atas.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 dengan tujuan memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Antara bidang kuasa dan peranan JAWHAR adalah seperti berikut:

- I. Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Baitulmal dan Haji/Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;

- II. Merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Baitulmal dan Haji/Umrah;
- III. Menjalankan kerjasama pintar dengan Kerajaan serta GLC/pihak swasta dalam pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Baitulmal dan Haji/Umrah;
- IV. Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelaras mengenai isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
- V. Membantu dan memberi khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT kepada pihak berkuasa agama negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan entiti wakaf kebangsaan di bawah JAWHAR telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 melalui Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Ia berperanan menggembungkan sumber-sumber wakaf dan menjadi pelengkap kepada usaha MAIN dalam membangunkan harta tanah wakaf di Malaysia. Antara fungsi utama YWM adalah mengumpul dan menjana dana bagi membangunkan harta tanah wakaf dan memaju dan membangunkan harta tanah wakaf dengan kerjasama MAIN.

## HARTA YANG BOLEH DIWAKAFKAN

Harta yang boleh di wakafkan (alMawquf):

- i. Harta yang diwakafkan hendaklah ditentukan atau jelas (ta'yin);
- ii. Harta yang diwakafkan hendaklah mempunyai nilai mengikut hukum syarak dan boleh diambil manfaatnya seperti tanah, bangunan, saham dan lain-lain;
- iii. Harta yang diwakafkan hendaklah boleh dipindah milik dan bukan harta yang ditahan seperti harta orang muflis atau harta anak yatim;
- iv. Harta yang boleh diambil manfaat secara berkekalan (masa yang lama); dan
- v. Harta yang hendak diwakafkan adalah milik sempurna pewakaf dan bukan harta orang lain seperti harta yang terlibat dengan pinjaman, sewa atau sebagainya.

Pelbagai skim wakaf boleh dimanfaat oleh umat Islam dalam membuat pelaburan akhirat yang menguntungkan ini iaitu Wakaf Tunai Pendidikan, Wakaf Tunai Kesihatan, Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi, Wakaf Bangunan, Wakaf Tunai Malaysia dan lain-lain.

Pewakaf boleh melayari perbankan atas talian pada pautan berikut dengan memilih / menaip nama 'Yayasan Waqaf Malaysia atau YWM' di perkhidmatan kutipan bil (Bill Payment) untuk berwakaf.



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 35 /2022

## KUNCI PEMBUKA REZEKI

**5 Safar 1444 H**

*Bersamaan*

**2 September 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

### **PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

**KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ

وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَمِينَ،

اللّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ يَا عِبَادَ اللّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّهِ تَعَالَى؛ فَمَنِ اتَّقَى اللّهَ

وَقَاهُ وَنَصَرَهُ وَكَفَاهُ

**Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,**

Saya mewasiatkan untuk diri saya dan tuan-tuan supaya bertaqwa kepada Allah SWT. Sesiapa yang bertaqwa, pasti Allah memeliharanya dan memberi pertolongan serta kecukupan untuknya. Mimbar yang mulia pada hari penuh berkat ini akan menyampaikan satu khutbah bertajuk:

**“Kunci Pembuka Rezeki.”**

**Sidang jumaat yang dikasihi,**

Rezeki adalah bahagian agihan Allah kepada setiap hambaNya. Ia datang dalam bentuk pemakanan dan kesihatan untuk tubuh badan, kecerdasan untuk pemikiran atau ketenangan pada kejawaan dan seribu satu macam keperluan dan kehendak hidup insan. Rezeki hanyalah dengan ketentuan Allah semata-mata. Manusia tidak akan mati selama belum lengkap menerima semua rezeki yang ditentukan Tuhan untuknya.

Firman Allah SWT dalam Surah al Zariat, ayat 58 :

إِنَّ اللّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ  
58

**Yang bermaksud:** Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki (kepada sekalian makhlukNya, dan Dialah sahaja Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh kekuasaanNya.

**Hadirin sidang Jumaat yang dikasihi,**

Antara pedoman al-Quran tentang kunci pembuka rezeki ialah ;

**Pertama : Ketaqwaan.**

Firman Allah swt dalam Surah al-Talak, ayat 2-3:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلُ لَهُ مَخْرَجًا ۝ وَرِزْقًا ۝ ..... حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۝

**Yang Bermaksud:** Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.”

Ketaqwaan berlaku dengan melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangannya. Semakin maksiat dijauhi, semakin terbuka luaslah pintu kemurahan rezeki. Dalam kitab al Jawab al Kafi menyebutkan bahawa sebagaimana ketaqwaan kepada Allah mengundang rezeki yang luas, demikianlah juga menjauhi ketaqwaan bermakna menjemput kefaqiran. Tiada semujarab meninggalkan maksiat untuk menjemput rezeki yang melimpah.

**Sidang Jumaat yang dikasihi,**

**Kedua : Beristighfar (Memohon ampun dan bertaubat)**

Dosa punca utama kesempitan rezeki. Sabda Nabi saw:

إِنَّ الْعَبْدَ لِيُحْرِمُ الرِّزْقَ بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ

**Yang bermaksud:** “Seseorang hamba itu tersekat rezekinya kerana dosa yang dilakukannya.”

(Riwayat Ahmad)

Istighfar pula penghapus dosa, seterusnya pembuka pintu rezeki. Firman Allah swt dalam Surah Nuh, ayat 10-12:

فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُ رَبِّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَارًا ١٠ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مَدْرَارًا ١١

وَيُمْدِدُكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَيْنَ يَدَيْكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَنْهَارًا ١٢

**Yang bermaksud:** "Aku (Nabi Nuh) berkata (kepada mereka): "Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah kepada kamu. Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak. Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai."

Masyhur kisah datangnya seseorang kepada al-Hasan al-Basri, beliau mengadu tentang tanahnya yang tidak subur lalu jawab Hasan al-Basri :“Beristighfarlah kepada Allah”. Datang pula seorang yang lain mengadu kemiskinan, jawab beliau: “Beristighfarlah kepada Allah”. Datang lagi yang lain meminta berdoa agar direzekikan anak, jawab beliau: “Beristighfarlah kepada Allah”. Lalu ditanya al-Hasan al-Basri mengapa jawapannya semua sama sedangkan didatangkan persoalan yang berbeza. Kata imam Hasan al Basri: “Ini bukanlah pendapatku, inilah yang tersebut dalam Surah Nuh”. Lalu dia membaca ayat di atas.

**Kaum muslimin yang dirahmati,**

**Ketiga: Berinfaq di jalan Allah.**

Menderma dan berinfaq di jalan Allah adalah kunci membuka limpahan rezeki. Ramai manusia takut berbelanja di jalan Allah kerana bimbangkan kefakiran dan kekeringan harta.Firman Allah dalam Surah Saba',ayat 39 menyebut janji gantiannya bagi setiap infaq :

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَسْطُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُ مِنْ شَيْءٍ  
فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ٣٩

**Bermaksud:** Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-

hambaNya, dan dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan mengantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki".

Ibnu Kathir berkata : Apa sahaja yang kamu nafqahkan dari sesuatu yang Allah perintah dan halalkan, maka Allah akan gantikannya di dunia dengan tukaran dan gantian, sementara di akhirat pula dengan pahala dan ganjaran.Sabda Nabi saw :

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكًا نَّيْرَانِ، فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا:  
اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقاً خَلَفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا

**Bermaksud:** Tiadalah suatu hari berpagi manusia melainkan dua malaikat akan turun. Salah satunya berkata: Ya Allah! Berilah kepada orang yang berinfaq itu akan gantian. Berkata yang satu lagi: Ya Allah berilah kepada yang kedekut itu kemusnahan.

(Riwayat al Bukhari dan Muslim)

**Sidang Jumaat yang dihormati,**

**Keempat: Bersyukur dengan nikmat.**

Dengan bersyukur terperangkap sudah rezeki yang sedia ada, dan memburu rezeki yang belum tiba, sebagaimana kata Imam al Biqa'i (الباقاعي). Ini berdasarkan firman Allah dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

وَإِذْ تَأَذَّتْ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّ كُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي  
لَشَدِيدٌ

**Bermaksud:** Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.

Umar ibn Abdul Aziz pernah berkata: Ikatlah nikmat Allah dengan bersyukur kepada Allah. Kesyukuran penambat nikmat dan pintu membuka tambahan rezeki.

Menurut Ibnu Qudamah : Mensyukuri nikmat ialah dengan menggunakannya pada ketaatan kepada Allah serta menjaga dari ia terguna di jalan maksiat.

Demikianlah nilai kesyukuran dalam diri penerima nikmat akan menambahkan anugerah kurniaan Tuhan. Sebaliknya sikap kufur nikmat membawa kepada tertutup dan tersekatnya nikmat yang mendatang.

### Kaum muslimin hafizakumullah.

### Kelima : Berusaha dan bekerja.

Telah menjadi peraturan Allah (sunnatullah) bahawa setiap musabbab ada sebabnya. Sesiapa yang berusaha akan mendapat natijahnya. Sesiapa yang menanam akan menuai hasilnya. Sesiapa yang berjalan di landasan akan sampai ke penghujungnya. Islam menggalakkan manusia berkerja dan berusaha, bersikap produktif serta menjauhi sifat malas, lesu, lembab dan menganggur.

Firman Allah swt dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 10 :

إِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَأَنْتُشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْ كُرُوا اللَّهَ  
كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

**Bermaksud:** Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Sabda Nabi SAW menggalakkan manusia berproduktiviti dan berdikari:

مَا أَمْلَأَ أَمْدُ طَامَّا قَطُّ، خَرَّا مِنْ يَمِّ مَلِيْلِيِّ وَنَزِيْلِ اللَّهِ دِلْلِيْلِيِّ

**Bermaksud:** Tidaklah makan seseorang satu makanan yang lebih baik dari makan dari usaha kerja tangannya. Nabi Dawud as adalah seorang yang makan dari usaha kerja tangannya sendiri.

(Hadith riwayat al Bukhari)

### Kaum muslimin yang diberkati.

Apa yang disebut di dalam kesempatan ini adalah sebahagian yang terpenting dari kunci pembuka rezeki, berdasarkan pedoman al Quran dan al Sunnah. Sesiapa yang memahami, menghayatinya dan beramal dengannya, Allah swt menjanjikan kelapangan rezeki dan keberkatan nikmat kurniaan. Semoga Allah swt melimpahkan kepada setiap kita rezeki yang halal dari kekayaan dan kemewahan khazanahnya, diberkati segala rezeki yang diberi untuk dipulangkan dalam bentuk kesyukuran, ketaatan dan amal ibadat demi mencari redha dan rahmat Allah swt juga.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَابِكُهَا وَلْكُوْمِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ الْشُّورُ



**Bermaksud:** Dialah yang menjadikan bumi bagimu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata penjurunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah kamu dibangkitkan hidup semula.

(Surah al mulk ayat :15)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ وَأَشْهَدُ  
 وَحْدَةً شَرِيكَ  
 وَأَشْهَدُ يَدِنَا مُحَمَّداً عَبْدَ وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ  
 سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
 بَعْدُ، عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِيرَ الْمُسْلِمِيَّةِ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ⑤  
 اللَّهُمَّ صَلِّ إِلَى سَاهِمٍ لِمَىْ آلِ سَاهِمٍ ، مَاصَتَ  
 لِمَىْ إِلَى لِمَىْ آلِ إِلَى لِمَىْ  
 لِمَىْ تَلَى لِمَىْ آلِ إِلَى لِمَىْ  
 إِلَكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ  
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ

لَا يَصُدُّ

اَللَّاءَ

مِنِ

صِ وَنِ

مَا ذَوْدُكَ

فُ

فِ ضَمَاؤَ

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ بْنَ الْمَرْحُومِ لَطَانِ مَحْمُودِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاه، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى لَطَانَةِ نُورِ زَاهِرَة، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَاعِيَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ بْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ لَطَانِ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ

Ya Allah, wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segala urusan.  
Dengan rahmat-Mu, kami memohon pertolongan.

Perbaikilah segala urusan kami, dan janganlah Engkau biarkan kami bersendirian tanpa jagaanMu. Kami mohon berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat dan pemeliharaanMu. Kami juga berlindung denganMu daripada musibah azab dan segala kemurkaanMu.

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami,keluarga kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkaujadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasih Lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

صَلَوةً عَلَى صَلَوةٍ

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُوكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،



وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.



# TAK KENAL MAKAN TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 44



TEMA:  
AKIDAH



## KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN  
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA  
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM





Info e-penerbitan JAKIM





# TAK KENAL MAKAN TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 59



TEMA:  
UMUM



## KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN  
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA  
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM



Info e-penerbitan JAKIM






# TAK KENAL MAKAN TAK CINTA

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 72

**RM  
22.00**



**TEMA:  
UMUM**



## KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN  
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA  
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM




Info e-penerbitan JAKIM





#DariTintaMembentukJiwa




SET B

**COMBO RAHMAH**

**DISKAUN 20%**

~~RM375.00~~ JIMAT RM75.00

**RM300.00** !



**DISKAUN 40%**

**COMBO M.A.D.A.N.I.**

~~RM1,662.00~~ JIMAT RM664.80

**RM997.20** !



KEDAI BUKU JAKIM



03-8870 7445

#TEAMPENERBITANJAKIM